

BRIEFING NOTE

Y.BHG. DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN MD ARIFF
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
UNTUK MESYUARAT JAWATANKUASA TUJUAM AM
BIL 3/2019 PADA 21 MAC 2019

1.0. ENVIRONMENTAL VEHICLE (EV-BUS) UNTUK MELAWAT JEJAK WARISAN TAIPING

Seperti yang dinanti-nanti hampir tiga tahun lalu, sebuah bas EV (*Environmental Vehicle*) bakal akan dilihat mengelilingi laluan Jejak Warisan Taiping sejauh 11.5 km bersama-sama pelawat dan pelancong. EV Bus yang diberikan oleh kerajaan Jepun kepada MPT melalui program kerjasama kerajaan negeri Perak dengan *Japanese International Cooperation Agency* (JICA) adalah sebagai satu usaha untuk menjayakan program melestari bandar Taiping dan mempromosikan program persekitaran hijau. Operasi bas EV ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Majlis dan penyelenggaraan teknikal oleh Tetuan Dream Edge. Perancangan pelaksanaan EV Bus di laluan Jejak Warisan akan diperkemaskan dengan beberapa ketetapan seperti jarak laluan, bayaran tambang dan lain-lain pekej yang bersesuaian agar impak dari lawatan akan memberi manfaat kepada aktiviti pelancongan Taiping secara optimum.

Projek ini telah dimulakan sejak 2016 dengan kerjasama pihak perunding tempatan, perunding daripada Jepun serta Dream Edge dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) selaku Rakan Strategi. Bas EV-MPT telah melalui pelbagai proses untuk mendapat

kelulusan daripada pihak-pihak yang berwajib bagi tujuan kegunaan bas ini sebagai pengangkutan awam. Kelulusan daripada agensi-agensi berkuasa telahpun diperolehi termasuk kelulusan pengecualian cukai duti import dan cukai jualan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Bas EV-MPT kini sedang dalam proses pemeriksaan oleh pihak yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Jalan (JPJ), PUSPAKOM dan pemasangan '*Bus Wrap*' di Cyberjaya, Selangor dan dijangka tiba di Taiping pada awal April nanti.

2.0 AUTISM FUN WALK & RUN 2019

Kelab Sukan dan Kebajikan MPT dan Persatuan Bina Kerjaya OKU Perak akan menganjurkan Autism Fun Walk & Run 2019 pada 14 April 2019 (Ahad) bertempat di Dataran Kedamaian, Taman Tasik Taiping. Acara yang dijalankan adalah Fun Walk sejauh 3KM manakala Fun Run sejauh 5KM di sekitar Taman Tasik.

Acara ini dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Autism Seduania yang jatuh pada 2 April 2019 dan objektif utamanya ialah untuk meningkatkan kesedaran terhadap autisme. Adalah sejenis

gangguan ketidakseimbangan perkembangan saraf yang akan memberi kesan kepada kesejahteraan dan kemajuan fungsi intelek kepada penghidap. Kini terdapat hamper 47,000 orang kanak-kanak di Malaysia yang menghadapi gangguan autism, atau lebih dikenali sebagai kanak-kanak autistic.

Program ini telahpun mencapai penyertaan seramai 500 orang peserta seperti yang disasarkan.

3.0 LAWATAN PEMANDU PELANCONG BERLESEN SELURUH MALAYSIA KE BANDAR TAIPING

Seramai 94 orang pemandu-pemandu pelancong dari seluruh Malaysia telah menyertai program Fam Trip dan CTRE (Certificate of Tourism Related Education) yang berlangsung semalam, 20 Mac 2019. Program anjuran 'Malaysia Tourist Guide Council' telah memilih Taiping selepas mendapat tahu tentang kejayaan Taiping dalam Anugerah Green Destination 2018 dan telah terpilih menduduki tempat ke 3 Anugerah

Bandar Terbaik Dunia. Program bermula pada jam 2.30 petang dengan lawatan ke Jejak Warisan termasuk melawat Muzium Perak, Galeri MPT, Taman Botani Perak, Raintree Walk, dan Casual Market. Di sebelah malam, peserta telah dibawa menerokai pengalaman menarik melihat kelip-kelip di Kuala Sepetang dan program berakhir selepas lawatan selama lebih sejam di Night Safari. Maklum balas yang diterima dari para peserta amat menggalakkan dan mereka menyatakan harapan untuk membawa lebih ramai pelawat dan pelancong ke Taiping dalam waktu yang terdekat.

4.0 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN

Majlis Penyampaian hadiah bagi Program Insentif Cukai Taksiran (PICT) 2019 telah disempurnakan pada 20 Mac 2019 di Penthouse, Wisma MPT. Antara hadiah-hadiah yang menarik yang dimenangi oleh pemenang cabutan bertuah seperti motorsikal, set televisyen dan *home theater*, peti sejuk, mesin basuh, *mountain bikes* dan lain2 lagi. MPT memperuntukkan sebanyak RM70,000 setahun bagi menyediakan hadiah dan cenderahati kepada pemenang dan peserta PICT ini. MPT dapat mengutip sebanyak RM9.93 juta dengan penyertaan 19,000 pemilik harta berbanding tahun lepas iaitu 15,000 penyertaan. MPT amat menghargai warga penduduk Taiping atas kerjasama ini dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan yang padu bagi membangun Bandar Taiping dan sekitarnya

5.0 PROGAM SHOWCASE JALINAN ALUMNI UPM @ ZTNS

SIRI 3

Pada 23 dan 24 Mac 2019, akan diadakan program Showcase Jalinan Alumni UPM @ Zoo Taiping Siri ke-3 bertempat di Pavilion Zoo Taiping & Night Safari. Program ini dianjurkan oleh Pusat Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Zoo Taiping & Night Safari untuk kali ketiga. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mengekalkan jalinan dan hubungan strategik di antara Alumni UPM di negeri Perak, pihak UPM dan Zoo Taiping.

Pelbagai aktiviti menarik akan dijalankan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya ialah sesi perkongsian mengenai perkembangan dan inisiatif UPM, edaran cenderamata istimewa kepada alumni UPM, persembahan kesenian oleh pelajar UPM, *treasure hunt* yang terbuka kepada pelajar sekolah menengah, pertandingan mewarna dan melukis terbuka kepada kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun dan pelbagai aktiviti lagi.

Pada hari berikutnya (24 Mac 2019), akan berlangsung Program Khidmat Masyarakat '*We Care Our Nature Our Wildlife*' dan sesi penanaman empat jenis anak pokok iaitu anak pokok Kapur, pokok Kuning Telur, Pokok Mentega dan pokok Bingai bersempena Showcase Jalinan Alumni UPM @ Zoo Taiping & Night Safari Siri ke- 3 ini.

Penganjuran program ini mampu memperkasakan keprihatinan dan sayang terhadap alam sekitar, flora dan fauna di kalangan pelajar, Alumni UPM serta komuniti di sekitar Taiping disamping sebagai satu peluang kepada Zoo Taiping & Night Safari untuk memperkenalkan dan mempromosikan keunikan dan keindahan yang ada di Zoo Taiping & Night Safari.

6.0 PROGRAM RANTAIAN INTEGRITI “RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA, TAIPING SEJAHTERA”.

MPT akan mengadakan **PROGRAM RANTAIAN INTEGRITI “RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA, TAIPING SEJAHTERA”** dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memfokuskan pembudayaan integriti khas untuk kakitangan Majlis Perbandaran Taiping dan amnya kepada semua agensi kerajaan daerah Taiping dan penduduk Taiping pada 27hb Mac 2019 (Rabu). Seramai 300 orang dijangka akan terlibat di dalam program ini.

Program akan dimulakan dengan acara larian bermula dari kaki Bukit Larut pada jam 7.30 pagi. Manakala acara berbasikal akan bermula pada jam 8.00 pagi dari Dataran Kedamaian Taman Tasik Taiping.

Manakala kakitangan MPT dan peserta-peserta yang lain akan berkumpul di Dataran Warisan untuk program rantaian Integriti.

Tuan/Puan adalah dijemput untuk menghadiri program ini.